

**MODUL**  
**PBD**  
**AKHIR TAHUN**

**TAHUN 3**

**BAHASA MELAYU**



NAMA : \_\_\_\_\_

KELAS : \_\_\_\_\_

TARIKH : \_\_\_\_\_

GURU : \_\_\_\_\_

## Mendengar dan bertutur

Berikan respons terhadap soalan guru

| Bil | Soalan  | Respons (diisi guru berdasarkan jawapan murid) |
|-----|---|--|
| 1   | (Nama murid), sila ikut saya ke bilik guru                              |  |
| 2   | Awak jangan bimbang untuk hadir ke sekolah ya.                          |  |
| 3   | Awak hendaklah sentiasa memberitahu guru jika ingin keluar dari kelas.  |  |
| 4   | (nama murid), jemput hadir ke Jamuan Kelas Tahun 3 pada minggu hadapan. |  |

## **Membaca**

(Murid membaca dan guru menanda perkataan yang betul dibaca murid)

Husna dan ibunya ke salun dandan rambut. Sementara menunggu rambut ibunya didandan, Husna berbual-bual dengan pemilik salun tersebut yang bernama Puan Anisah binti Razak.

“Cantik dan kemas salun milik puan ini. Saya bercita-cita untuk membuka salun seperti ini pada suatu hari nanti,” kata Husna kepada Puan Anisah.

“Terima kasih, Husna. Baguslah jika Husna bercita-cita sedemikian. Dahulu, kakak juga sangat berminat dalam bidang peragaan rambut. Oleh itu, kakak perlu mencari ilmu pengetahuan dan berusaha sehingga berjaya.

Kakak meneruskan pengajian dalam bidang penjagaan rambut di Institut Kemahiran Belia

Negara. Selepas menamatkan pelajaran, kakak membuka sebuah salun dandan rambut. Kakak memperkenalkan konsep baharu, iaitu salun Muslimah. Kini, kakak mempunyai lima cawangan salun Muslimah. Kakak sangat bersyukur apabila konsep yang kakak perkenalkan ini mendapat sambutan ramai,” cerita Puan Anisah kepada Husna.

## MENULIS

(Murid menulis ayat yang betul)

| Struktur ayat yang salah  | Struktur ayat yang betul |
|---|--------------------------|
| "Ayah, bagaimakah cara ayah mengurus perbelanjaan keluarga kita " tanya Zara.   |                          |
| "Mudah sahaja Zara Ayah cuma mencatat semua perbelanjaan setiap hari. Ayah juga akan membuat analyses perbelanjaan setiap bulan," kata ayahnya. |                          |
| Kita perlu membuat perincian perbelanjaan supaya kita tahu akan jumlah perbelanjaan dan lebihan wang setiap bulan.                              |                          |
| Bagaimakah pula jika tiada wang lebihan perbelanjaan pada bulan ini?  |                          |
| Wah hebatnya ayah merancang Patutlah kita dapat bercoti di sini   |                          |

## **Seni Bahasa**

(Menulis maksud pantun)

Buah duku dan sayur ulam,  
Jamu sedikit di tengah hari;  
Ketip kuku ketika malam,  
Rasa sakit terketip jari.

---

---

Benang dikait alas berseri,  
Bunga sabun penghias jua;  
Usah menjahit di senja hari,  
Matamu rabun sebelum tua

---

---

Anak kera jatuh ke lumpur,  
Hendak makan langsat segugus;  
Anak dara menyanyi di dapur,  
Lauk dimasak menjadi hangus

---

---

## Tatabahasa

Membina ayat seruan dan ayat perintah

1. gerai-gerai

---

2. Riuhan rendah

---

3. Ramah-ramah

---

4. Barang-barang

---

5. Guru-guru

---

Membina ayat seruan dan ayat perintah

1. hai

---

2. oh

---

3. wah

---

4. usah

---

5. jemput

---

Membina ayat tanya berdasarkan jawapan diberikan

1. \_\_\_\_\_

Saya membawa nasi minyak dan air masak ke sekolah

2. \_\_\_\_\_

Saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Jalan Baru

3. \_\_\_\_\_

Saya membawa duit sebanyak RM 3.00 sehari ke sekolah.